



RESOLUSI
MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-37
MUSIM HAJI 1442H/2020M
21 – 23 DISEMBER 2020 / 6 – 8 JAMADIL AWAL 1442H

"MENGHAYATI ISTILO'AH HAJI DALAM MENANGANI WABAK"

Kertas Kerja 1

Tajuk: Kewajipan Haji Orang Kurang Upaya (OKU) Dan Warga Emas Di Musim Wabak

1. Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal dan warga emas yang tidak mampu mengurus diri sendiri adalah tidak wajib melaksanakan haji secara sendiri (binafsihi), walau bagaimanapun haji wajib dilaksanakan secara badal sekiranya mampu membayar upah badal haji.
2. Orang buta yang mampu menanggung kos dirinya dan upah pengiring wajib melakukan haji dengan sendiri.
3. Dalam musim wabak, pihak berkuasa (Ulil Amri) boleh menangguhkan sementara warga emas, OKU dan pesakit yang berisiko tinggi daripada menunaikan fardhu haji.

Kertas Kerja 2

Tajuk: Tahap Kemampuan Fizikal Pesakit Kronik Dan Mereka Yang Berisiko Dijangkiti Penyakit Untuk Menunaikan Ibadat Haji Di Musim Wabak

4. Orang yang mengalami obesiti yang tidak boleh menguruskan dirinya, tidak wajib melaksanakan haji secara sendiri (binafsihi), sebaliknya dibadal haji jika berkemampuan membayar upah badal haji.
5. Mereka yang berisiko tinggi dijangkiti penyakit, dan berdepan dengan risiko kematian tidak wajib melaksanakan haji dalam masa wabak.
6. Pada masa wabak, had umur Jemaah haji tertakluk kepada ketetapan Ulil Amri (kerajaan Malaysia dan kerajaan Arab Saudi).
7. Tahap penyakit kronik yang menghalang kemampuan fizikal (istito'ah kesihatan) dalam kewajipan haji akan ditentukan oleh pakar perubatan.

Kertas Kerja 3

Tajuk: Kemampuan Kewangan Untuk Menunaikan Ibadat Haji Di Musim Wabak

8. Perbelanjaan sebenar mengerjakan haji adalah tanggungjawab bakal Jemaah haji sepenuhnya sama ada pada musim wabak atau tidak.

9. Bakal jemaah haji tidak wajib menerima sumbangan kos mengerjakan haji dari pihak tertentu untuk menunaikan haji. Walau bagaimanapun, tidak salah jika mereka menerima bantuan tersebut.

10. Bayaran perubatan berkaitan kesihatan seperti kuarantin, suntikan vaksin wabak dan lain-lain adalah juga termasuk dalam istito'ah kewangan yang perlu ditanggung oleh bakal Jemaah haji.

11. Kos perbelanjaan mencukupi kepada orang yang di bawah tanggungan yang ditinggalkan semasa mengerjakan ibadat haji adalah merupakan syarat istito'ah kewangan.

Kertas Kerja 4

Tajuk: Istito'ah Amniah Dan Kebenaran Menunaikan Haji Di Musim Wabak

12. Istito'ah amniah (keamanan dan keselamatan) dalam ibadat haji merangkumi keselamatan dalam aspek berikut:
 - i. nyawa;
 - ii. harta;
 - iii. kehormatan;
 - iv. kesihatan;
 - v. perjalanan;
 - vi. tempat tinggal di Tanah Suci; dan
 - vii. pelaksanaan ibadat haji

13. Ulil Amri berhak mengehadkan bilangan atau tidak membenarkan bakal jemaah haji menunaikan fardhu haji ketika wabak.

Kertas Kerja 5

Tajuk: Pelaksanaan Haji Pada Musim Wabak: Rukun Dan Wajib Haji Serta Tawaf Wada'

14. Pelaksanaan *manasik haji* pada musim wabak ada kemungkinan berlakunya halangan daripada pihak berkuasa, maka hukum hakam yang berkaitan halangan (*ihsar*) perlu difahami dengan lebih mendalam khususnya oleh Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) dan pihak Pengurusan Haji.
15. Niat haji bersyarat hanya digalakkan dalam masa wabak bagi mengelak dikenakan *dam ihsar* jika dihalang oleh pihak berkuasa untuk meneruskan ibadat haji.
16. Semasa wabak, pemakaian pelitup muka yang diarahkan oleh pihak berkuasa ketika dalam ihram bagi wanita adalah diharuskan, dan tidak dikenakan *dam* serta tidak berdosa. Lelaki dibolehkan untuk menutup muka kerana perbuatan tersebut tidak termasuk dalam perkara larangan dalam ihram bagi lelaki.
17. Tawaf wada' tidak wajib dilakukan dan tidak dikenakan *dam* jika keadaan tidak membenarkan disebabkan oleh larangan daripada pihak berkuasa.

-Tamat-